

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Sunday, 17 May, 2020 10:05 AM
To: norazlinaabdjilil@gmail.com
Subject: Fw: Kerajaan Negeri Kedah Sumbang RM10,000 Untuk Hasilkan PPE Dan Hand Sanitizer UUM

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 01 Mei 2020 12:56

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: Kerajaan Negeri Kedah Sumbang RM10,000 Untuk Hasilkan PPE Dan Hand Sanitizer UUM



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

1 MEI 2020 / 8 RAMADAN 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Masyitah Che Ishak (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

KERAJAAN NEGERI KEDAH SUMBANG RM10,000 UNTUK HASILKAN PPE DAN HAND SANITIZER UUM



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM10,000 bagi membantu penghasilan pakaian perlindungan diri (PPE) dan cecair basmi kuman (*hand sanitizer*).

Sumbangan tersebut disampaikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Dr. Salmee Said dalam lawatan beliau meninjau pembuatan PPE dan *hand sanitizer* yang dihasilkan UUM, semalam.

Beliau berkata, sumbangan itu adalah salah satu inisiatif untuk bersama-sama membantu UUM melaksanakan projek tersebut secara berterusan.

“Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada staf dan pelajar UUM yang berganding bahu menyumbang bakti menjayakan projek ini dalam usaha memerangi Covid-19.

“Saya sangat berbangga dengan kesungguhan pihak UUM yang membantu menyediakan keperluan penting petugas barisan hadapan sejak penularan wabak ini,” katanya yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia dan Pembangunan Insan.

Tambahnya, beliau akan berbincang dengan kerajaan negeri untuk membantu UUM meneruskan projek-projek sebegini yang dilihat dapat membantu mereka yang memerlukan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim berkata, beliau berterima kasih kepada kerajaan negeri di atas sumbangan tersebut yang digunakan bagi membantu dalam memerangi penularan pandemik Covid-19.

Menurutnya, usaha yang dilakukan warga UUM itu merupakan permulaan untuk meneroka lebih banyak program sama ada dalam bidang akademik atau bukan akademik yang berbentuk teknologi meskipun UUM adalah universiti pengurusan.

Sehingga kini, UUM menerusi Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) telah menghasilkan lebih 2,000 PPE yang mana sebahagiannya telah diserahkan kepada Hospital Sultanah Bahiyah.

Hadir sama, Pengarah ICC, Prof. Dr. Razamin Ramli; Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA), Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin; Pengarah Pusat Kesihatan Universiti, Dr. Adi Azhar Abdul Razak dan Pengarah UUM Corporate Communication, Rasidah Rodzi.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.